

26/06/2003

Harga kaset, CD, VCD dikawal

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Kabinet semalam membuat keputusan untuk mengawal harga kaset, cakera padat (CD), cakera padat video (VCD), cakera video digital (DVD) dan perisian komputer sebagai usaha terbaru menyekat kegiatan cetak rompak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata peraturan itu akan dikuat kuasa mengikut Akta Kawalan Harga 1946, pada waktu terdekat atau selewat-lewatnya sebelum akhir tahun ini.

Beliau berkata, kerajaan terpaksa campur tangan dalam penentuan harga bahan cakera optik itu bagi mengembangkan industri hiburan yang dikatakan lumpuh akibat kegiatan cetak rompak, selain melindungi hak pengguna mendapatkan barang tulen pada harga berpatutan.

Katanya, keputusan itu juga dibuat selepas industri muzik, filem dan pemilik hak cipta memberi sambutan dingin terhadap nasihat kerajaan dan desakan orang ramai supaya menurunkan harga bahan itu.

"Kabinet percaya campur tangan kerajaan dalam penentuan harga bahan cakera optik dan perisian komputer dapat menyelesaikan masalah harga bahan berkenaan yang dikatakan penyebab utama pengguna membeli barang cetak rompak," katanya di kementeriannya selepas menghadiri mesyuarat Kabinet.

Hadir sama Timbalan Menterinya, Datuk S Subramaniam; Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr Sulaiman Mahbob dan Ketua Pengarah Penguat Kuasa, Abdullah Nawawi Mohamed.

Isu cetak rompak mendapat perhatian kerajaan, malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad

Badawi mahu pihak berkuasa, khususnya polis, mengadakan operasi berterusan bagi memerangi CD dan VCD cetak rompak serta lucah.

Baru-baru ini, Abdullah turut menyarankan syarikat rakaman mempertimbangkan secara serius untuk mengurangkan harga CD dan VCD bagi membolehkan lebih ramai orang membelinya.

Bagaimanapun, saranan itu tidak mendapat reaksi positif pihak terbabit.

Muhyiddin berkata, pihaknya akan mengadakan perjumpaan dengan 60 pengusaha dalam industri muzik, filem serta pemilik hak cipta pada 3 Julai ini untuk mendapatkan maklumat harga bahan itu di pasaran sebelum menguatkuasakan peraturan berkenaan.

Selain itu, katanya, kementerian akan mengadakan kajian sendiri untuk menentukan mekanisma harga yang berpatutan untuk kaset, CD, VCD, DVD dan perisian cetak rompak.

"Kajian itu penting untuk memastikan maklumat yang diberikan industri hiburan dan pengeluaran perisian komputer adalah benar. Kita juga akan mengkaji kos yang terbabit dengan pengeluaran bahan cakera optik

termasuk
kos pengangkutan, penyimpanan dan bayaran royalti kepada karyawan,"
katanya.

Muhyiddin berkata, langkah kawalan harga itu pasti mendapat reaksi
baik
daripada pengguna, tetapi keputusan itu mungkin tidak disenangi pihak
industri.

"Kita tidak ada cara lain kerana pihak industri tidak beri kerjasama
untuk turunkan harga. Industri perlu lihat, langkah ini sebagai usaha
bersungguh-sungguh kerajaan untuk membanteras cetak rompak seterusnya
membantu meningkatkan semula industri muzik dan filem," katanya.

Mengikut Seksyen 4 Akta Kawalan Harga 1946, kementerian mempunyai
kuasa
menetapkan harga maksimum atau siling bagi barang yang harganya dikawal.

Mereka yang melanggar peraturan itu boleh didenda sehingga RM25,000
dan
penjara dua tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu, beliau berkata kementerian akan mula menguatkuasa
penandaan label tulen bagi semua produk cakera optik sama ada yang
dijual
atau untuk sewaan pada 15 Julai ini.

Katanya, kementerian memberi tempoh enam bulan sejak 15 Januari lalu
kepada semua pengeluar cakera optik untuk berbuat demikian.

"Mereka yang gagal meletakkan label tulen dikira melanggar Akta
Perihal
Dagangan 1972 yang boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara tiga
tahun atau kedua-duanya bagi perseorangan dan RM250,000 bagi syarikat,"
katanya.